



Punca dan Akibat Salah Laku Seksual

| Salah laku seksual | Punca | Akibat |
|--------------------------|--|---|
| Zina | <ul style="list-style-type: none">Kurang pendidikan agama Islam.Lemah iman dan penghayatan ajaran Islam.Suka mengunjungi tempat-tempat maksiat seperti diskotek.Gemar membaca dan menonton bahan-bahan lucuah.Suka mengamalkan pergaulan bebas tanpa sekat agama. | <ul style="list-style-type: none">Mendapat kemurkaan Allah SWT.Meruntuhkan institusi keluarga.Merebaknya penyakit merbahaya seperti AIDS.Berlaku pelbagai jenayah seperti pembuangan bayi.Melahirkan generasi keluarga yang tidak jelas nasabnya. |
| Hubungan seks luar tabii | <ul style="list-style-type: none">Terpengaruh dengan budaya atau cara hidup barat.Suka membaca dan melihat bahan-bahan lucuah.Tiada penguatkuasaan undang-undang yang tegas menyekatnya.Kelemahan pelaksanaan undang-undang. | <ul style="list-style-type: none">Meruntuhkan institusi perkahwinan.Merebaknya pelbagai penyakit fizikal dan mental.Dipandang hina oleh bangsa dan agama lain.Suasana hidup bermasyarakat tidak aman dan tenteram.Mendapat balasan azab di dunia dan di akhirat. |
| Sumbang mahram | <ul style="list-style-type: none">Keimanan yang lemah dan gagal mengawal nafsu.Tidak mengamalkan kehidupan yang disyariatkan oleh Islam.Perasaan ingin tahu dan ingin mencuba banyak mempengaruhi pemikiran dan psikologi para remaja.Keruntuhan institusi keluarga hingga ada ibu bapa tidak prihatin tentang anak-anak. | <p>Kesan terhadap mangsa:</p> <ul style="list-style-type: none">Hilang kepercayaan pada orang lain.Takut untuk mengadakan hubungan intim.Bersikap murung dan pendiam.Rasa ingin bunuh diri.Keyakinan diri yang rendah.Rasa bersalah dan marah.Rasa terasing dari keluarga dan masyarakat. |